

15 MAR 1997

PM - Pelabuhan

PM PECAH TANAH PROJEK PELABUHAN SERBAGUNA DI SUNGAI BAHARU

KANGAR, 15 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melakukan upacara memecah tanah projek pelabuhan serbaguna pesisiran pantai bernilai RM750 juta di Sungai Baharu, dekat sini sempena lawatan sehari ke Perlis.

Projek itu dimajukan oleh Pashacorp Sdn Bhd, yang baru-baru ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan tiga syarikat antarabangsa dari Britain, Korea Selatan dan Jerman, masing-masing bagi menyediakan perkhidmatan perunding rekabentuk, pembinaan serta dan pengendalian pelabuhan.

Yang turut hadir pada upacara itu Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

Pembangunan keseluruhan projek itu dijangka siap pada tahun 2000 manakala pembangunan lain dijangka memakan masa 10 hingga 12 tahun.

Beberapa kemudahan bakal dibina, antaranya empat dermaga terminal kontena, dua dermaga pukal, kering dan cecair, dermaga kapal tangki minyak, kelengkapan penyimpanan gas dan bahan api, loji pembersihan enapan, perkhidmatan bunker, gudang dan kompleks operasi.

Projek itu juga meliputi pembinaan dermaga awam termasuk dua untuk feri penumpang.

Selepas itu, Perdana Menteri menyaksikan upacara menandatangani MoU antara Kerajaan Negeri Perlis dan IPCO Constructors Sdn Bhd.

MoU itu adalah untuk memberikan hak kepada IPCO Constructors menjalankan kajian terperinci bagi sistem bekalan air yang berkeupayaan 12 juta galen sehari di bawah program Pembangunan Pesisiran Pantai Perlis.

Hasil kajian yang akan diserahkan kepada kerajaan negeri nanti akan mengandungi cadangan mengenai aspek kejuruteraan, pelaksanaan dan pembinaan projek bekalan itu.

Setiausaha Kerajaan Negeri Abdul Latip Omar menandatangani MoU itu bagi pihak kerajaan negeri manakala IPCO Constructors diwakili pengerusinya Tan Sri Hanafiah Ahmad.

Dr Mahathir, dengan diiringi Shahidan, kemudian ke Bukit Putih, Kuala Perlis untuk melihat tembok sempadan Malaysia-Thailand yang baru siap dibina.

Beliau berada di situ kira-kira 15 minit sebelum menghadiri jamuan makan tengah hari bersama rakyat di Dewan Warisan.

Terdahulu itu, selepas menerima bintang Anugerah Cemerlang Diraja (Tuanku Raja Perlis) daripada Raja Perlis di Istana Arau, Perdana Menteri menghadiri taklimat tertutup keselamatan negeri di Bilik Gerakan Negeri di sini.

Petang ini, Dr Mahathir meninjau kawasan sempadan di Mata Ayer sebelum menghadiri majlis perhimpunan bersama rakyat di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Padang Besar. -- BERNAMA

MFJ OBA